

Headline	Elak guna barangan elektrik ketika banjir		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Nov 2015	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	41
ArticleSize	88 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,092		



## Elak guna barangan elektrik ketika banjir

Bagi mengelakkan berlakunya renjatan elektrik, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan orang ramai supaya tidak menggunakan peralatan elektrik dan menutup suis utama apabila premis mereka dinaiki air.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB Datuk Ir Mohd Aminuddin Mohd Amin dalam kenyataannya berkata, pengguna yang premis mereka dinaiki air dinasihatkan segera menghubungi TNB bagi membolehkan syarikat utiliti nasional berkenaan

menghentikan bekalan demi keselamatan.

“Sila hubungi pejabat TNB yang berdekatan, TNB CareLine 15454 atau Facebook TNB Careline sebaik paras air meningkat supaya kami boleh memutuskan bekalan elektrik bagi mengelakkan kejadian tidak diingini,” katanya.

Menurutnya, ketika banjir, TNB sentiasa mengawasi keadaan dan akan menutup bekalan ke pencawang di kawasan terbahit sekiranya paras air mencecah tahap bahaya.

“Penutupan bekalan

elektrik ke kawasan terbahit dibuat untuk sementara waktu demi memastikan keselamatan orang awam terjamin. Bekalan elektrik akan disambung semula selepas air surut dan keadaan kembali selamat,” katanya.

Katanya, dia juga menasihatkan ibu bapa untuk sentiasa mengawasi pergerakan anak-anak mereka supaya tidak menghampiri tiang elektrik yang tumbang atau wayar elektrik terputus semasa banjir kerana berkemungkinan arus elektrik masih mengalir.